

BAGI
NGSAA


aMemba

Kementerian
berhasrat untuk

buah

Shield Baharu

BERKARYA
SEPENUH
JIWA



Pada keluaran kali ini, sidang editor *Tunas Cipta* berpeluang menemu bual penulis muda dari Sarawak yang dikenali dengan nama pena Shield Sahran atau nama sebenarnya ialah Nur Azshieldha Sahran. Anak kelahiran Kuching ini mula menulis seawal usianya 14 tahun lagi. Kemudian, pada usia 16 tahun, beliau telah mengikuti pertandingan menulis cerpen kategori remaja anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Dalam mengikuti kerja-kerja penulisan, pada tahun 2004 menjadi angka rasminya menceburi bidang ini secara serius. Walau bagaimanapun, pada tahun 2007, iaitu selepas memenangi Pertandingan Menulis Cerpen Majalah Sekolah anjuran DBP Cawangan Sarawak, beliau berhenti daripada menulis kerana mahu memberikan fokus kepada pengajiannya di Universiti Teknologi MARA Puncak Perdana, Shah Alam dalam bidang Pengurusan Maklumat. Namun demikian, selepas menamatkan pengajian, beliau kembali aktif dalam dunia penulisan pada tahun 2014 setelah berlatih dari tahun 2012 hingga 2013. Pada tahun ini, iaitu 2021 merupakan ulang tahun ke-17 beliau dalam bidang penulisan.

Apakah matlamat saudara dalam tempoh awal menceburi bidang penulisan?

Pada awal percubaan saya dalam mengikuti kerja penulisan, saya cuma mengimpikan nama sendiri tercetak di atas kulit buku. Saya menganggap hal tersebut adalah sesuatu yang boleh dibanggakan oleh semua orang. Namun demikian, sedikit demi sedikit matlamat itu berubah. Pada masa itu, saya mula menyedari bahawa menjadi seorang penulis itu bukan untuk popular semata-mata, tetapi harus menggalas tanggungjawab untuk membentuk pemikiran pembaca. Maka itu, saya merasakan tujuan saya menulis saat ini adalah untuk terus mandiri menyampaikan pemikiran dan meninggalkan kenangan yang baik dalam ingatan pembaca karya saya khususnya.

Sebagai seorang penulis muda, di manakah saudara mahu meletakkan diri pada 10 atau 15 tahun akan datang?

Jika soalan ini diajukan kepada saya 10 tahun yang lalu, iaitu ketika saya berusia 23 tahun, saya akan mengatakan bahawa saya ingin memiliki buku sendiri, seperti novel, kumpulan cerpen atau antologi. Namun demikian, soalan ini ditanya kepada saya ketika ini, saya membayangkan karya saya menjadi teks rujukan untuk pelajar prauniversiti sekurang-kurangnya, atau karya saya berjaya menembusi pasaran luar negara. Secara peribadinya, saya merasakan apabila karya saya dijadikan sumber rujukan untuk esei kritikan atau kajian ilmiah, ini merupakan satu penghargaan yang amat menggembirakan. Maka saya berharap akan menjadi contoh dan sumber inspirasi kepada penulis baharu pada masa akan datang.

Bagaimanakah saudara mahu memastikan supaya saudara sentiasa berkarya?

Saya pernah berehat dari tahun 2008 hingga 2011. Kemudian, saya kembali menulis pada tahun 2012, namun saya memilih untuk tidak menghantar karya ke mana-mana penerbitan. Saya berpandangan, biar tahun itu menjadi tempoh untuk bertatih semula. Setelah bertahun-tahun tidak menulis, saya menyedari bahawa kepekaan terhadap persekitaran di sekeliling agak tumpul. Maka saya melatih diri untuk peka dan meningkatkan tahap sensitiviti melalui pemerhatian dan pembacaan. Selain itu, saya juga memastikan agar saya mengambil tahu karya rakan penulis yang lain bagi mewujudkan suasana persaingan yang sihat bagi membantu saya supaya sentiasa berkarya.

Boleh kongsi jumlah karya yang sudah diterbitkan, dan pada pandangan saudara, karya manakah yang boleh dikategorikan sebagai "berjaya"?

Hingga kini, saya sudah menghasilkan tiga buah novel, tiga buah antologi cerpen, dua buah antologi puisi dan sebuah antologi anekdot bersama-sama penulis wanita Sarawak. Karya eceran yang disiarkan dalam akhbar tempatan dan majalah sastera pula sebanyak 12 cerpen, 21 sajak dan sembilan certot. Namun demikian, jika ditanya karya apakah yang memberikan kesan, semestinya novel *Acang Merpati* terbitan DBP.


Novel tersebut merupakan impian terbesar saya untuk melahirkan sebuah buku berkaitan dengan sejarah fiksyen yang berkisar tentang mitos dan legenda Sarawak dalam bentuk pengembaraan fantasi seperti novel *Lord of the Rings* karya J.R.R. Tolkien. Ketika proses pemurnian manuskrip pada

Beberapa tahun kebelakangan ini saya menyedari suasana dalam majalah *Tunas Cipta* nampak lebih segar dan mesra, mempunyai aura belia yang jelas sehingga menarik perhatian saya untuk menghantar karya dan mula melanggan majalah ini.

tahun 2014, Sasterawan Negara Dato' Dr. Anwar Ridhwan telah memberikan kritikan untuk saya membaikinya. Selain itu, saya turut mendapat nasihat daripada S.M. Zakir, penulis tersohor Malaysia. Proses penulisan novel ini melibatkan banyak kajian dan rujukan daripada pelbagai jurnal ilmiah, termasuklah kertas kajian dari Brunei Darussalam.

Apakah pandangan saudara tentang penerbitan majalah *Tunas Cipta*.

Saya tidak menafikan ketika berada di bangku sekolah, majalah *Tunas Cipta* dilihat sebagai sebuah majalah yang serius. Pada masa itu, saya tidak tahu bagaimana untuk menghantar karya untuk diterbitkan dalam majalah tersebut, malah saya juga tidak ada keyakinan kerana memikirkan karya saya tidak sehebat penulis lain. Namun demikian, beberapa tahun kebelakangan ini saya menyedari suasana dalam majalah *Tunas Cipta* nampak lebih segar dan mesra, mempunyai aura belia yang jelas sehingga menarik perhatian saya untuk menghantar karya dan mula melanggan majalah ini.



- ▲ Shield Sahran berharap agar kejayaannya dalam bidang penulisan dapat menjadi contoh kepada penulis muda yang lain.
- ◀ Novel Alang Merpati tersenarai sebagai 10 karya yang terbaik dalam Hadiah Sastera Perdana Malaysia (HSPM) 2017/2018.



▲ Shield Sahran antara ahli panel semasa berlangsungnya program Minggu Karyawan Muda 2021, anjuran DBPCS.

Apakah ruangan yang paling saudara gemar dalam majalah *Tunas Cipta*?

Sejujurnya, setiap kali saya membaca majalah *Tunas Cipta*, ruangan pertama yang saya belek ialah cerpen dan sajak. Tujuannya adalah untuk melihat estetika bahasa yang digunakan oleh penulis lain dan membandingkan dengan pengetahuan saya. Bagi saya, ruangan tersebut sangat menarik kerana memperlihatkan kepelbagaian penulis dari pelbagai negara.

Sebagai penulis, pastinya saudara banyak membaca karya daripada penulis lain juga. Dalam banyak karya tersebut, karya manakah yang memberikan keterujaan kepada saudara untuk berkongsi dengan orang lain?

Saya menggemari *Kumpulan Cerpen Debu Merah*, karya Sasterawan Negara Shahnnon Ahmad. Secara peribadinya, saya merasakan pembentukan identiti dan gaya penulisan saya bermula dengan membaca karya Shahnnon. Meskipun karyanya agak sinikal dan agresif, namun banyak membantu saya peka dengan isu semasa.

Selain itu, novel karya Hamka yang berjudul *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* banyak mendidik saya tentang cara untuk mengolah cerita yang berkesan dari aspek emosi dan pembentukan karakter. Selain itu, saya juga kagum dengan pembikinan novel *Penyeberang Sempadan* karya Anwar Ridhwan kerana menggunakan pelbagai teknik naratif antaranya in medias res. Terakhir, novel *Cantik itu Luka* oleh Eka Kurniawan kerana teknik padahan (*foreshadowing*) yang digunakannya begitu kemas dan konsep surealisme yang mengagumkan.

Baru-baru ini, saudara bertindak sebagai salah seorang pembimbing dalam program Minggu Karyawan Muda anjuran DBPCS. Bolehkah saudara kongsi tentang program tersebut dan apakah pengisiannya?

Program Minggu Karyawan Muda merupakan program untuk membenihkan penulis muda dan penulis baharu yang berpotensi dalam berkarya. Sebagai salah seorang pembimbing, saya bertindak untuk menerangkan kepada peserta berkenaan dengan proses penulisan dari awal dan bagaimana untuk menghasilkan karya kreatif.

Pengisian program pula adalah untuk memberikan pengenalan kepada peserta berkaitan dengan penulisan kreatif, proses pemikiran kreatif, pembedahan karya kreatif dan bagaimana untuk mendapatkan idea penulisan. Sepanjang tiga hari berbilang di Hotel Penview, saya bertindak untuk mengumpul permasalahan yang dihadapi oleh penulis muda dan bagaimana untuk menanganinya berdasarkan kemampuan mereka. Antara masalah mereka yang boleh saya kongsi di sini ialah berkaitan dengan penentuan tema, kesukaran untuk memahami falsafah atau pemikiran, jumlah watak dan perwatakan, susunan plot dan teknik *showing* dalam penceritaan.

Sepanjang pembabitan saudara dalam bidang penulisan, adakah saudara mempunyai mentor?

Sepanjang berada dalam dunia penulisan, saya telah berguru dengan beberapa orang pembimbing. Namun demikian, mentor terawal saya ialah Sapiah Issa, iaitu guru cemerlang Bahasa Melayu ketika berada di Tingkatan 6, SMK Tun Abang Haji Openg. Beliau banyak membantu dan mengajar saya terutama dari aspek tatabahasa dan struktur bahasa.

Selain itu, semasa melanjutkan pelajaran di UiTM Puncak Perdana, saya telah berkenalan dengan Pak Agi (Abdul Ghafar Ibrahim). Beliau membimbing saya untuk menulis dengan baik. Antara yang selalu dipesan oleh beliau kepada saya adalah tentang keunikan sesebuah karya akan menentukan karya tersebut dibaca dengan tekun lalu diingati atau hanya dibaca sahaja lalu dilupakan.

Pada masa ini, siapakah penulis muda yang saudara kagum?

Setakat ini, penulis muda yang berjaya menarik perhatian saya ialah Ruhaini Matdarin, penulis Sabah yang memenangi Hadiah Sastera Perdana Malaysia 2017/2018 menerusi novel *Hari-hari Terakhir di Jesselton*. Kejayaan beliau meraih anugerah berprestij itu memberikan inspirasi kepada saya sebagai penulis wanita. Pada masa itu, novel *Achang Merpati* turut dipertandingkan dan tersenarai dalam 10 karya novel. Hal ini secara tidak langsung memberikan saya semangat untuk terus berusaha dengan gigitan lagi bagi meraih kejayaan sepertinya.

Pada pandangan peribadi saudara, siapakah Sasterawan Negara yang ke-15?

Pendapat saya ialah Fatimah Busu. Beliau merupakan penulis wanita yang mapan dan berpengalaman. Sebenarnya saya merasakan satu semangat yang luar biasa apabila melihat penulis wanita diangkat menjadi Sasterawan Negara. Pasti mereka kejayaan mereka memberikan inspirasi kepada banyak penulis wanita lain yang sedang berjuang untuk bertahan dalam arena penulisan kerana kebiasaannya, penulis wanita tenggelam apabila terikat dengan komitmen keluarga. Saya tidak mengatakan bahawa saya seorang feminis, tetapi jika sasterawan negara yang ke-15 ialah seorang wanita, bagaikan api yang menyalakan hasrat semua penulis wanita di Malaysia bahawa karya seorang wanita mempunyai kekuatan yang tersendiri.

Saudari merupakan ahli Persatuan Karyawan Sarawak (PEKASA). Boleh kongsi tentang persatuan tersebut, dan apakah perancangan PEKASA untuk penulis muda di Sarawak khususnya?

Persatuan Karyawan Sarawak (PEKASA) yang bertapak di Kuching ini banyak membantu penulis melalui penganjuran beberapa program. Sebelum saya menyertai PEKASA, sejujurnya saya berhadapan dengan kesukaran untuk mengetahui pertandingan penulisan, program sastera atau bengkel anjuran DBP. Saya kekurangan ilmu, pengalaman dan pergaulan aktiviti sosial. Sebenarnya PEKASA banyak membantu penulis dari segi pendedahan berkaitan dengan hal ehwal sastera, membuka peluang, mengasah bakat, mengadakan pertandingan, malah melatih penulis muda seperti saya untuk menjadi pembimbing dan penceramah untuk program sastera. PEKASA sedang berusaha mewujudkan pelapis baharu, iaitu penulis yang berkemampuan dari segi menulis, menghasilkan karya dan mampu membimbing penulis lain juga.



Saya merasakan satu semangat yang luar biasa apabila melihat penulis wanita diangkat menjadi Sasterawan Negara. Pasti mereka kejayaan mereka memberikan inspirasi kepada banyak penulis wanita lain yang sedang berjuang untuk bertahan dalam arena penulisan kerana kebiasaannya, penulis wanita tenggelam apabila terikat dengan komitmen keluarga. Saya tidak mengatakan bahawa saya seorang feminis, tetapi jika sasterawan negara yang ke-15 ialah seorang wanita, bagaikan api yang menyalakan hasrat semua penulis wanita di Malaysia bahawa karya seorang wanita mempunyai kekuatan yang tersendiri.

▲ Tahun 2021 merupakan ulang tahun ke-17 Shield Sahran dalam bidang penulisan.



▲ Bergambar kenangan bersama-sama Sasterawan Negara A. Samad Said.

Adakah penulis muda di Sarawak menyambut baik penubuhan persatuan penulis.

Pada awalnya, penulis baharu merasakan sedikit sukar untuk mendekati persatuan penulis. Namun demikian, seiring dengan perkembangan teknologi, persatuan penulis mengambil peluang untuk mendekati penulis muda melalui platform media sosial untuk menghebahkan iklan yang menarik perhatian, juga membuka peluang untuk menyertai bengkel yang ditaja sepenuhnya oleh DBP atau NGO. Keterbukaan tersebut menimbulkan suasana mesra dan menarik perhatian penulis muda untuk ikut serta. Secara kebiasaannya, penulis muda cukup suka terlibat sama kerana aktiviti sosial tersebut memberikan ruang untuk mereka menambah kenalan dan mewujudkan sokongan dalam jaringan penulisan.

Boleh saudari kongsi perkembangan penulis muda di Sarawak pada masa ini.

Dalam tempoh lima atau enam tahun ke belakang, saya tidak menafikan suasana penulisan dalam kalangan penulis

muda agak suram. Ketika saya dijemput menyertai bengkel pengumpulan manuskrip pada tahun 2014, saya merupakan satu-satunya penulis wanita yang paling muda. Hal ini menunjukkan perkembangan sastera di Sarawak pada masa itu sedikit perlahan. Namun demikian, sejak kebangkitan penulis dari Borneo seperti Roslan Jomel dan Ruhaini Matdarin, pola perkembangan penulis muda mula berubah apabila mereka berani mencuba nasib dengan menghantar karya untuk penerbitan Wadah Bahasa dan Sastera dan berkongsi karya mereka dalam akhbar *Suara Sarawak*. Sedikit sebanyak, kewujudan penulis muda ini telah melahirkan karya yang berpotensi dan mungkin akan melahirkan penulis yang konsisten.

Apakah tip penulisan yang boleh dikongsikan dengan penulis di luar sana?

Saya suka menggalakkan penulis di luar sana supaya banyak membaca dan menulis. Ini kerana proses penulisan perlu melalui perbuatan berperingkat-peringkat untuk membentuk seorang pemikir yang hebat. Tiada jalan pintas untuk berjaya, malah plagiat hanya memburukkan penulis itu sendiri. Maka sebaik-baiknya, berusaha tanpa perlu iri pada rakan seperjuangan. Jika ada idea, terus dicatat agar tidak lupa. Jika muncul keinginan menulis, jangan ditangguh, kerana sesungguhnya ilham dan idea itu pemberian Allah Yang Maha Mencipta. Yang penting, anggaplah karya yang ditulis itu sebenarnya datang daripada Allah SWT dan kita sebagai seorang penulis, hanya perantara.

Apakah sumbangan anda sebagai penulis dalam bidang ini?

Sumbangan saya tidaklah begitu banyak, tetapi saya gembira kerana pembaca berusaha menghubungi saya dalam media sosial untuk mendalami pemikiran yang terdapat dalam novel saya seperti *Niqab* terbitan FIXI. Novel tersebut memaparkan kisah berkaitan dengan pemerdagangan manusia. Selain itu, novel *Acang Merpati* telah membantu pelajar universiti awam untuk mendapatkan sumber rujukan bagi pembentangan untuk pertandingan Bakat Siswa anjuran DBP yang disertai oleh Mohd. Farid Mohd Azmi, pelajar Universiti Utara Malaysia dan novel tersebut dijadikan kajian ilmiah oleh Amiira Norbani, pelajar Tahun 1 Kolej MARA Banting. Pada masa yang sama, saya diberi peluang membimbing penulis baharu melalui Minggu Karyawan Muda yang dahulunya dikenali sebagai Minggu Penulis Remaja. Saya juga turut membimbing penulis muda secara dalam talian, dan yang seronoknya apabila mereka memberikan kerjasama sepanjang aktiviti tersebut berjalan. Harapannya agar saya dapat memberikan sumbangan dalam bidang penulisan ini secara berterusan untuk masa hadapan. -tr